

SEKALI KE KRABI, PASTI NAK DATANG LAGI

Oleh: Abdul Qohar bin Ahmad Mustri, 1172554,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Pada awal tahun ini, saya telah ke Krabi selama beberapa hari bersama rakan-rakan untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan di sana.

Pulang sahaja ke Malaysia, ramai yang bertanya, apa tempat-tempat menarik yang boleh mereka pergi dan kunjungi ketika berada di Krabi.

Jadi, saya akan menceritakan beberapa tempat yang menarik di Krabi yang boleh anda kunjungi di sana.



NILAI-KRABI

Perjalanan dari Nilai ke Krabi bermula pukul 11.30 malam dengan menaiki bas dari universiti dan tiba di sana hanya dalam tempoh beberapa jam sahaja.

Mungkin kerana tidak banyak kenderaan di jalan raya ketika itu. Perjalanan kami pun menjadi lebih pantas.

Kami tiba di sempadan Malaysia-Thailand kira-kira pukul 5 pagi. Sambil menunggu pasport dicap oleh pegawai imigresen, kami solat subuh secara bergilir-gilir bagi mengelakkan kehilangan barang-barang yang berharga.

Setelah selesai sahaja urusan pasport, kami terus menuju ke tempat penginapan yang telah ditempah sebelum ini.

Perjalanan dari sempadan ke tempat penginapan tersebut agak jauh dan kami juga berasa agak letih ketika itu.



Sampai di tempat penginapan, kami berasa amat selesa di situ. Tempat ini sangat sesuai untuk keluarga yang mencari penginapan yang selesa dengan harga yang berpatutan.

Setiap bilik mempunyai pendingin hawa dan dilengkapi dengan peti sejuk mini. Lokasinya di kawasan perkampungan dan agak jauh dari bandar.

CHICKEN ISLAND (PULAU AYAM)



Di sini adalah tempat yang menarik untuk semua orang datang dan merasai sendiri pengalaman menerokai keindahan alam di Krabi.

Kita harus menyewa bot untuk sampai ke pulau ini serta mengambil masa dalam 30 minit dari jeti untuk sampai di sana. Kami hanya menyewa bot biasa dan bukannya bot laju.



Di pulau ini juga kita boleh melakukan aktiviti seperti berenang dan selam snorkel dalam airnya yang sangat bersih dan jernih.



Jernihnya air di situ, sehingga jelas kelihatan ikan-ikan yang berenang di sekitar kita. Tidak perlu membayar lebih untuk menggunakan peralatan selam snorkel kerana sudah dimasukkan dalam pakej sewaan bot.

PANTAI AO NANG



Pantai Ao Nang yang perjalanannya lebih kurang 30 minit dari bandar Krabi juga adalah tempat yang menarik dan wajib kita singgah bila kita sampai di sana.

Pantainya cantik dan bersih sekali gus sangat sesuai untuk mengambil angin sambil menikmati pemandangan yang indah.



Bukan sekadar itu sahaja, setiap malam Jumaat, ada jualan di sepanjang jalan menuju ke pantai ini dan suasananya sangat meriah.

Namun, kami tidak sempat merasai pengalaman tersebut memandangkan ketika itu kesuntukan masa sebab kami akan bertolak pulang ke Malaysia keesokannya.

Jika diberikan kesempatan untuk pergi ke sana lagi, saya akan cuba meraih banyak lagi pengalaman yang tidak sempat saya rasakan sepanjang perjalanan yang lepas.